

Objektif

Longkang ialah saluran air yang mengalirkan air daripada permukaan jalan dan sekitarnya. Seharusnya longkang semasa dibina mempunyai darjah kecondongan yang sekurang-kurangnya mampu menyalurkan air ke sungai atau kawasan tadahan air yang lain.

Skop Kerja

Mengalihkan tanah, pecahan batu, rumput dan lain-lain halangan yang dijumpai dalam longkang dan pengumpul (*sump*) yang boleh menyekat pengaliran air di longkang Jalan Persekutuan. Longkang di Laluan Persekutuan terbahagi kepada 2 jenis iaitu longkang jenis tanah dan longkang konkrit. Longkang tanah ialah longkang yang dikorek selari dengan jajaran jalan daripada subgrade membentuk satu saluran yang boleh mengalirkan air. Manakala longkang konkrit ialah longkang yang dibina menggunakan konkrit pra-tuang atau tuang in-situ dan mempunyai beberapa saiz dan bentuk.

Membaiki kerosakan longkang adalah termasuk dalam skop kerja. Merujuk Perjanjian Tambahan Appendix IX, items RO7.(6); *“Damaged drains and sumps: Repair damaged asset when damage is causing an immediate safety problem or it has reduced the function of the drains as necessary”*, dan item RO7.(9); *“Damaged covers: Repair damaged asset when damage is causing an immediate safety problem as necessary”*.



Longkang tanah.



Longkang konkrit pra-tuang jenis U.



Longkang konkrit tuang in-situ jenis V.

Prosedur Kerja

- Pengurusan trafik semasa kerja-kerja pembersihan longkang hendaklah dilaksanakan mengikut skema pengurusan trafik yang diluluskan.
- Peralatan yang digunakan adalah bergantung kepada kesesuaian keadaan longkang yang membolehkan longkang dibersihkan sehingga mencapai keadaan seperti yang dinyatakan di atas.
- Antara peralatan yang sering digunakan ialah cangkul, pengaut, parang untuk mencantas tumbuhan, dan *scraper*.



Kerja pembersihan longkang menggunakan alatan dan tenaga manusia.

- Bagi longkang yang bersaiz besar dan mempunyai halangan yang besar dan berat, penggunaan jentera seperti backhoe adalah amat praktikal. Penggunaan jentera ini membantu mempercepatkan kerja-kerja pembersihan selain mengembalikan aras longkang agar setara dengan pengumpul (*flushed with sump*).



Penggunaan jentera membantu mempercepat kerja pembersihan di samping membersihkan longkang dengan sempurna.

RO7 - LONGKANG

- Semua bahan yang dialihkan dari longkang hendaklah tidak ditinggalkan di tepi longkang tetapi seharusnya dibuang ke tempat yang sesuai.




Bahan korekan dari longkang perlu dibuang ke tempat yang sesuai.

- Pembersihan longkang secara rutin akan membantu mengekalkan kekuatan struktur jalan apabila air dari permukaan dapat disalurkan ke tempat yang sesuai.



Keadaan longkang selepas kerja pembersihan yang baik.



Longkang dipenuhi tumbuhan.




Longkang ditumbuhi rumput.



Longkang dipenuhi rumput.



Longkang tertutup dengan sisa ladang.



Longkang yang tersumbat dan menghalang pengaliran air.

SENARAI SEMAK AUDIT KUALITI PENYENGKARAAN

Klausa	Prosedur Kerja
RO7	PEMBERSIHAN LONGKANG
7.3	Nota: Jenis-jenis longkang adalah seperti berikut; i. Longkang konkrit ii. Longkang tanah
7.4	Tanah, pecahan batu, sampah sarap dan lain-lain halangan yang dijumpai di dalam longkang dan pengumpul (<i>sump</i>) hendaklah dibersihkan.

RO7 - LONGKANG

Klausa	Prosedur Kerja
7.5	Rumput dan tumbuhan yang dijumpai di dalam longkang dan pengumpul (<i>sump</i>) yang mengurangkan keberkesanan laluan air hendaklah dibersihkan.
7.6	Sampah sarap dari longkang atau yang dilonggokkan di tepi longkang dibuang pada hari yang sama kecuali yang masih basah dan perlu dikeringkan terlebih dahulu, dibuang dalam masa seminggu.
7.7	Sampah di pembetung dibersihkan.